

>>Oleh Arifin Salleh

am@hmetro.com.my

ALOR GAJAH: Malang bagi sekumpulan pencuri apabila tidak sempat melapah lembu yang baru disumpit mereka akibat dikejar anjing pemilik haiwan itu di Kuala Sungga, Tebong di sini, pagi kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi, enam daripada tujuh lembu yang disumpit menggunakan ubat pelali dilarikan kumpulan pencuri itu manakala seekor lagi lembu ditinggalkan selepas mereka dikejar anjing berkenaan.

Pemilik haiwan itu, P Balachander, 47, berkata beberapa lelaki menceroboh kandang lembu berhampiran rumahnya sebelum disedari anjing peliharaannya yang kemudian mengejar pencuri berkenaan.

"Pagi itu saya kurang sihat dan tersedar selepas terdeingar salakan anjing peliharaan. Apabila keluar, saya melihat anjing mengejar sebuah kereta yang sedang memecut laju sehingga ke simpang tiga Kuala Sungga.

"Saya sangka tiada apa berlaku dan tidak mengesyaki mereka mahu mlarikan lembu peliharaan saya," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, dia dan seorang rakan kemudian ke Seremban pada pagi kejadian kerana ada urusan sebelum pulang semula ke rumah kira-kira jam 6.30 petang.

Bagaimanapun, sebaik pu-

Pencuri sumpit enam lembu

Haiwan ternakan ketujuh gagal dilarikan akibat dikejar anjing

BANGKAI
...Balachander bersama rakan melihat lembunya yang mati akibat disumpit dengan pelali.



"Pagi itu saya kurang sihat dan tersedar selepas terdeingar salakan anjing peliharaan. Apabila keluar, saya melihat anjing mengejar sebuah kereta yang sedang memecut laju"

>P Balachander

lang dia dimaklumkan seorang jiran lembunya rebah dalam kandang lalu bergegas memeriksa haiwan itu.

"Saya nampak jarum suntikan ubat pelali itu masih melekat pada badan lembu yang sudah mati itu. Pencuri dipercayai menyumpit lembu saya pada jarak dekat.

"Mungkin disebabkan kejadian itu, kira-kira 400 ekor lembu peliharaan saya tidak berani masuk semula ke kandang dan menimbulkan persoalan mungkin banyak lagi lembu saya disumpit dan dilarikan pencuri itu," katanya yang kerugian lebih RM20,000 akibat kejadian itu.

Balachander berkata, sejak kira-kira dua tahun lalu, dia kehilangan sebanyak 20 lembu dipercayai dicuri mereka yang tidak bertanggungjawab dan terpaksa menanggung kerugian.

Menurutnya, dia mengeluarkan modal sebanyak RM1,000 sebulan bagi membeli ubat untuk haiwan peliharaannya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendent Umar Ali Saifuddin Shaharuddin mengesahkan laporan berhubung kejadian dan berkata polis masih menyiasat perkara itu.